

240 suspek terbabit kes dadah ditahan

Kota Bharu: Polis Kelantan menahan 240 individu menerusi Ops Tapis Khas yang dijalankan dalam tempoh seminggu bermula Isnin lalu hingga semalam.

Hasil operasi berkenaan turut merampas pelbagai jenis dadah termasuk 700 kilogram (kg) daun ketum dengan nilai keseluruhan hampir RM100,000.

Pemangku Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamamd Zaki Harun, berkata serbuan dilakukan selepas pihaknya mengenal pasti lokasi aktiviti dadah dalam usaha membanteras token dadah.

Katanya, satu daripada serbuan dilakukan membabitkan rampasan daun ketum di Kampung Lalang Pepuyu, Tanah Merah, pagi Jumaat lalu.

“Rampasan itu dibuat hasil pemeriksaan di muatan belakang lori yang ditutup kanvas berjaya menemui bungkusan plastik hitam didalamnya terdapat 70 bungkusan daun hijau dipercayai daun ketum bernilai RM21,000.

“Kita turut menahan pemandu lori berusia 35 tahun dan hasil siasatan mendapati suspek mempunyai dua rekod lampau dan positif methamphetamine.

“Siasatan mendapati, bekalan



Muhamamd Zaki (dua dari kanan) menunjukkan pelbagai jenis dadah serta daun ketum yang dirampas menerusi Ops Tapis Khas pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

daun ketum terbabit diperolehi dari Kedah dan dipercayai untuk dibawa ke Thailand,” katanya.

Ops Tapis adalah gerakan bersepadu PDRM dalam mengekang penyalahgunaan dadah yang dilaksanakan sejak Jun 2009.

Mengulas lanjut, Muhammad

Zaki berkata, menerusi serbuan dalam tempoh seminggu itu, pihaknya turut membuat sitaan bernilai RM57,000 termasuk sebuah lori.

Beliau berkata, pihaknya akan melakukan operasi berterusan bagi melakukan pembersihan di lokasi aktiviti dadah.

“Semua suspek ditahan disiasat mengikut pelbagai seksyen termasuk Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 30(3) Akta Racun 1952.

“Orang ramai diminta menyalurkan maklumat kepada polis bagi mengekang kegiatan dadah di negeri ini,” katanya.